

09 SEP 2003

MDC-MSK/I

NEGERI-NEGERI DI M'SIA BOLEH JADI MINI MSC JIKA SEDIA PENUHI SYARAT

IPOH, 9 Sept (Bernama) -- Status Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dinikmati oleh beberapa syarikat terpilih di Lembah Klang boleh dikembangkan kepada semua negeri di Malaysia sekiranya negeri-negeri ini bersedia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menjadi mini MSC.

Naib Presiden Kanan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Narayanan Kanan berkata negeri-negeri ini boleh menikmati apa yang telah dicapai di Cyberjaya, yang bukan lagi mimpi tetapi sebuah realiti.

Selepas berjaya mengadakan MSC, langkah lain ialah menghubungkannya dengan lain-lain bandar siber di sini dan dunia menjelang tahun 2010 sebelum Malaysia boleh mencapai status masyarakat berpengetahuan dalam tahun 2020.

"Dalam usaha memenuhi syarat-syarat mini MSC, negeri-negeri ini perlu melihat kepada semua sudut," kata beliau kepada Bernama selepas menyampaikan kertas kerja di Persidangan Ekonomi Perak 2003 di sini hari ini.

Narayanan mengemukakan kertas kerja beliau yang bertajuk "Perak dalam Era Teknologi Membangunkan Industri ICT dan Bioteknologi di dalam negeri" pada persidangan dua hari itu yang bermula semalam.

Dalam kertas kerjanya, beliau berkata, setakat ini, MSC telah memperkenalkan satu koridor, 50 syarikat bertaraf dunia, tujuh aplikasi perdana dan kerangka kerja undang-undang siber dunia.

"Menjelang 2010, kami berharap dapat mencapai rangkaian koridor dengan 250 syarikat kelas dunia. Kami berharap dapat menetapkan standard global dalam aplikasi perdana, mengharmonikan kerangka kerja undang-undang siber dan mempunyai empat hingga lima bandar yang dihubungkan dengan bandar-bandar siber dunia yang lain.

Dengan mengambil contoh Mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC (ICM) yang diadakan pada 31 Julai, 2001 dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata adalah dipersetujui yang mini MSC negeri atau Bandar-bandar Siber akan dipertimbangkan selepas pelaksanaan akhir MSC.

"Beberapa negeri telah menawarkan diri untuk menjadi mini-MSK tetapi ia akan diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan. Perak mempunyai banyak kelebihan berhubung perkara ini," kata beliau.

Sebagai sebahagian daripada rancangan berkenaan, Narayanan berkata Perak boleh memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang ada kelebihan tersendiri (niche areas) seperti perkhidmatan kongsi sekitar industri automotif, bio-informatik dan industri berasaskan pertahanan.

"Bagi perkhidmatan kongsi, Perak boleh melengkapkan MSC dalam pasaran yang ada kelebihannya sendiri. Dengan kewujudan Bandar Proton di Tanjong Malim, Bandar Proton telah bersedia untuk merangsangkan lagi industri automotif di Perak dan seluruh negara terutamanya dengan kelompok pembekal dan rakan niaga Proton bagi mengoptimumkan rangkaian bekalan.

"Untuk bio-informatik, Perak sememangnya telah diketahui kaya dengan warisan bio-diversiti. Taman Farmaseutikal Seri Iskandar (Seri Iskandar Pharmaceutical Park) boleh menjadi bandar perdana bio-informatik Perak.

"Perak mempunyai Pangkalan Tentera Laut Lumut yang sesuai untuk industri berasaskan pertahanan menjadi hub maritim kebangsaan/serantau. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) boleh memainkan peranan utama sebagai pemacu kepada pemodenan Angkatan Tentera," kata beliau. -- BERNAMA

KAY KTC AA

